

Mahathir yakin tawan Kelantan 2

14 NOV 1999

KUALA LUMPUR 13 Nov. — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad malam ini mengadakan pertemuan dengan Badan Perhubungan UMNO Kelantan yang diketuai oleh Tengku Razaleigh untuk menyusun strategi menawan Kelantan daripada Pas.

“Mesyuarat malam ini dengan UMNO Kelantan kerana kita nampak peluang cerah di Kelantan. Sebab itu, kita nak susun strategi menawan Kelantan.

“Kita percaya kali ini kita boleh dapat kejayaan,”

kata beliau yang juga Presiden UMNO selepas majlis makan malam dan mesyuarat bersama Badan Perhubungan UMNO Kelantan di Ibu Pejabat UMNO, di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, beliau berpuas hati dengan persiapan BN Kelantan dan yakin menawan semula negeri itu daripada Pas.

“Saya puas hati dengan susunan jentera di Kelantan dan segala persiapan,” kata beliau.

Ditanya sama ada pertemuan malam itu ada membincangkan senarai calon yang akan bertanding, Dr.

Mahathir berkata, ia belum dibincangkan.

Sementara itu, Tengku Razaleigh berkata, pihaknya memberi taklimat kepada Dr. Mahathir mengenai perkembangan terakhir di Kelantan sejak pembubaran Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

Menurutnya, setiap orang yang hadir diberi peluang mengemukakan pendapat dan harapan BN Kelantan cerah kerana Pas tidak ada isu.

Dalam pertemuan itu juga, katanya, banyak hal dibincangkan bukan saja mengenai isu tetapi juga

bagaimana nak menghadapi pilihan raya.

“Kita penuh yakin akan dapat menghadapinya sebagai satu pasukan yang kuat,” kata beliau.

Mengenai senarai calon, Tengku Razaleigh berkata, beliau sudah menerima senarai calon yang dicadangkan oleh semua bahagian dan akan menelitinya sebelum mengemukakannya kepada Presiden parti.

“Saya akan mengemukakan senarai calon secepat mungkin dan terpulang kepada PM untuk meluluskannya.